

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH
BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 5 OGOS 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah sumbangan dan pemberi sumbangan kepada program dan aktiviti **Dasar Komuniti Negara (DKN)**, senarai rakan-rakan strategik atau NGO yang menerima sumbangan tersebut serta jumlah dana yang telah diterima dan dibelanjakan oleh Penggerak Komuniti Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menggubal Dasar Komuniti Negara (DKomN) dengan tujuan untuk mendaya upaya komuniti supaya terlibat secara aktif dalam usaha penggunaan dan pengurusan harta awam dan harta bersama serta membangunkan komuniti secara inklusif bagi mencapai kesejahteraan hidup dan pembangunan mampan. Sejumlah 98 program telah dilaksanakan dengan kerjasama 124 rakan strategik yang memberi manfaat kepada 10,575 peserta.

2. Sehingga 8 Julai 2020, sumbangan daripada rakan strategik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) adalah dalam bentuk *in-kind* sahaja berkonsepkan *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan tidak melibatkan sumbangan berbentuk tunai.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara NGO aktif Penggerak Komuniti Negara di seluruh negara adalah seperti berikut:

Bil.	Nama NGO	Negeri
1.	Persatuan Penduduk Komuniti Perpaduan Bakri	Johor
2.	Pertubuhan Anak Kota Melaka	Melaka
3.	Pertubuhan Kebajikan Darul Izzah Negeri Sembilan	Negeri Sembilan
4.	Pertubuhan Pembangunan Wanita Putrajaya	WPKL
5.	Pertubuhan Kebajikan Dan Muafakat Anak Kg Sg. Besar	Selangor
6.	Kelab Kebajikan Dan Sosial Masyarakat Penyayang Hulu Perak	Perak
7.	Pertubuhan Warga Bumi Hijau Pulau Pinang	P.Pinang
8.	Kelab Rekreasi Kuala Muda	Kedah
9.	Persatuan Srikandi Harapan Masyarakat Bentong Pahang	Pahang
10.	Kelab Cakna Rakyat Kubang Kerian	Kelantan

Sekian, terima kasih.